



Rujukan Kami: UTM.J.17.03.04.01/10.12/22 (31)  
Tarikh : 10 Mei 2023

## NOTIS KEPADA PELAJAR BIL. 3/2023

### Semua Pelajar

Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Johor Bahru  
Johor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

### A. URUSAN PENGINAPAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER 2 SESI 2022/2023

#### 1.0 Pengosongan Bilik, Kebersihan Bilik dan Keselamatan Hartabenda Persendirian

- 1.1 Memastikan kebersihan bilik kediaman masing-masing.
- 1.2 Menyusun dan mengemas perabot-perabot sedia ada.
- 1.3 Memastikan semua suis yang terdapat di dalam bilik dimatikan.
- 1.4 Mengunci tingkap dan pintu bilik masing-masing.
- 1.5 **Caj denda** akan dikenakan bagi sebarang kerosakan/kehilangan perabot atau peralatan disebabkan kecuaian pelajar sendiri dan caj pembersihan akan dikenakan sekiranya pelajar gagal membersihkan bilik dan meninggalkan sampah di dalam bilik.

#### 2.0 Pemulangan Kunci Bilik

- 2.1 Pelajar hendaklah memulangkan kunci bilik ke pejabat kolej ke selawat-lewatnya **pada 28 Julai 2023 (Jumaat) sebelum jam 5.00 petang**. Pejabat akan beroperasi pada tarikh seperti berikut:

Tarikh	Masa	Catatan
28 Julai 2023 (Jumaat)	8.30 pagi – 12.00 tengahari 2.30 petang – 5.00 petang	Tarikh akhir pemulangan kunci
29 Julai 2023 (Sabtu)	8.30 pagi – 1.00 tengahari 2.00 petang – 5.00 petang	Bayaran mengikut jenis bilik sehingga kunci dipulangkan

- 2.2 Pelajar dikehendaki melengkapkan **Borang Perakuan Mengosongkan Bilik** serta menandatangani **Buku Pemulangan Kunci** di pejabat kolej.
- 2.3 Pelajar yang memulangkan kunci selepas jam 5.00 petang perlu memulangkan kunci melalui “*Key Drop Box*” yang disediakan oleh pihak kolej dengan memastikan perkara seperti berikut:
  - a) Mengisi borang perakuan mengosongkan bilik.
  - b) Memastikan bilik telah dikunci.
  - c) Memasukkan kunci bersama Borang Perakuan Mengosongkan Bilik ke dalam “*Key Drop Box*”.
- 2.4 Pelajar yang gagal memulangkan kunci akan didenda dan perlu **membayar sewa mengikut jenis bilik sehingga kunci dipulangkan**.
- 2.5 **Kehilangan/kerosakan kunci bilik** akan dikenakan **penalti sebanyak RM25.00 hingga RM50.00** atau bergantung kepada harga asal kunci tersebut.
- 2.6 Denda dengan jumlah mengikut tahap kerosakan perabot/peralatan/dinding bilik akan dikenakan sekiranya terdapat perabot/peralatan yang rosak/hilang disebabkan kecuaian pelajar. Ini termasuk menampal/menconteng atau sebagainya pada perabot dan dinding bilik.

### 3.0 Penyimpanan Barang Semasa Cuti

- 3.1 **Tiada Caj** dikenakan untuk penyimpanan barang di stor yang telah ditetapkan namun pelajar **digalakkan membawa pulang** semua barang milik peribadi.
- 3.2 Stor penyimpanan barang hanyalah untuk pelajar yang menginap di dalam kolej kediaman UTM sahaja.
- 3.3 Pelajar dinasihatkan untuk menghubungi pejabat kolej masing-masing untuk mengetahui lokasi stor, jadual penyimpanan barang dan tarikh pembukaan stor. Perlu diingatkan bahawa prosedur dan jadual penyimpanan mungkin berbeza mengikut kolej kediaman masing-masing. Maklumat kolej untuk dihubungi boleh dirujuk di **Lampiran 2**.
- 3.4 Pelajar **diwajibkan** menulis nama dan blok untuk barang yang disimpan. Pelajar perlu menggunakan kotak dengan saiz maksimum 80(P) x 60(L) x 50(T) bagi memudahkan penyusunan barang. Barang yang tidak boleh dimasukkan ke dalam kotak perlu diikat dengan sempurna dan mempunyai maklumat pemilik.
- 3.5 Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan barang di luar stor penyimpanan barang. Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan kotak yang diletakkan di luar stor. Penalti sebanyak RM25.00 akan dikenakan kepada pelajar yang meletakkan barang selain dari kawasan penyimpanan barang yang ditetapkan oleh pihak kolej kediaman.
- 3.6 Pelajar diingatkan untuk membawa pulang semua buku, dokumen, peralatan penting, sijil-sijil, keputusan peperiksaan, barang peribadi

yang bernilai dan sebagainya. Segala kerosakan atau kehilangan barang yang disimpan di stor adalah menjadi tanggungjawab pelajar.

- 3.7 Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kehilangan atau kerosakan untuk segala barang yang disimpan dalam stor penyimpanan barang.
- 3.8 Segala jenis kenderaan yang ditinggalkan hendaklah diletakkan di tempat letak kenderaan yang disediakan. Kenderaan yang disimpan di dalam bilik pelajar atau ruang yang tidak dibenarkan akan dikenakan **denda RM 25.00 sehari**.
- 3.9 Semua barang atau peralatan milik pelajar yang disimpan di stor dan **tidak diambil atau dikeluarkan dalam tempoh 1 tahun**, pihak pengurusan kolej berhak untuk **melupuskan** barang atau peralatan tersebut dan tiada sebarang tuntutan boleh dibuat kepada pihak pengurusan kolej.
- 3.10 Tiada perkhidmatan penyimpanan barang disediakan kepada pelajar yang tidak menginap di kolej kediaman UTM pada semester hadapan termasuk pelajar yang akan tamat pengajian dan menjalani latihan industri.

#### **4.0 Pengosongan Bilik bagi Proses Pertukaran Perabot dan Kerja-kerja Naik Taraf Bilik**

- 4.1 Terdapat lapan (8) kolej kediaman akan terlibat dengan proses pertukaran perabot dan kerja-kerja naik taraf bilik.
- 4.2 Pelajar yang menginap di blok tersebut **diwajibkan** mengosongkan dan memulangkan kunci bilik di pejabat kolej selewatnya pada **28 Julai 2023 (Jumaat)**. Kolej yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Kolej	Blok
1	Kolej Rahman Putra (KRP)	Semua blok
2	Kolej Tun Fatimah (KTF)	
3	Kolej Tun Razak (KTR)	
4	Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	
5	Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	
6	Kolej Tuanku Canselor (KTC)	
7	Kolej Perdana (KP)	
8	Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	

- 4.3 Pelajar dibenarkan menyimpan barang di dalam stor yang disediakan oleh pihak kolej yang terlibat sepanjang cuti semester.
- 4.4 Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan barang-barang dalam bilik tersebut. Berdasarkan Perkara 4.2, mana-mana pelajar yang gagal mengosongkan bilik, pihak Universiti berhak melupuskan semua barang yang masih ada di bilik dan tiada sebarang tuntutan yang boleh diambil oleh pelajar.

## 5.0 Penyewaan Semasa Cuti Semester

- 5.1 Pelajar yang ingin menginap di kolej kediaman semasa cuti semester sama ada mengikuti pengajian Semester Pendek, menjalani latihan industri atau lain-lain aktiviti yang dibenarkan Universiti boleh membuat penyewaan di kolej kediaman seperti berikut:

Bil.	Kolej	Jantina	Jenis Bilik
1	Kolej 9&10	Siswa dan siswi	Berdua
2	Kolej Datin Seri Endon		

- 5.2 Pelajar dibenarkan membuat sewaan bilik bermula **28 Julai 2023 hingga 24 September 2023** dengan membuat permohonan secara *walk-in* atau melalui emel ke kolej kediaman yang dinyatakan di Perkara 5.1.
- 5.3 Pelajar yang menyewa dikehendaki mengisi **Borang Mendiami Kolej Semasa Cuti** yang boleh didapati di pejabat kolej atau boleh dimuat turun di laman sesawang <https://dvcdev.utm.my/hospitality/pelbagai-borang/>.
- 5.4 Pelajar dikehendaki untuk mengosongkan bilik disewa selewatnya pada **24 September 2023** bagi memudahkan urusan pembersihan dan penyenggaraan kolej kediaman. Walaubagaimanapun, ianya tertakluk kepada ketersediaan kolej kediaman yang berjaya dipohon.
- 5.5 Penentuan bilik dan blok semasa penyewaan akan ditetapkan oleh pihak kolej.
- 5.6 Bayaran untuk penyewaan semasa cuti adalah secara debit ke akaun pelajar. Kadar sewaan sehari mengikut jenis bilik adalah seperti di **Lampiran 1**.

**B. PERMOHONAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR BAGI SESI 2023/2024**

**1.0 Penempatan Pelajar di Kolej Kediaman**

- 1.1 Keutamaan menginap di kolej kediaman diberikan kepada pelajar prasiswazah tempatan **pengambilan baharu** sesi 2023/2024.
- 1.2 Permohonan kolej kediaman bagi pelajar prasiswazah kanan, pelajar pascasiswazah kanan dan pelajar antarabangsa adalah tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman.
- 1.3 Pelajar PALAPES dan pelajar SUKSIS akan ditempatkan di kolej kediaman seperti berikut:
  - a) Penempatan pelajar PALAPES adalah di Kolej Tun Dr. Ismail dan perlu mendapatkan pengesahan sebagai ahli daripada markas PALAPES.
  - b) Penempatan pelajar SUKSIS adalah di Kolej Tuanku Canselor dan perlu mendapatkan pengesahan sebagai ahli daripada markas SUKSIS.
- 1.4 Pelajar berkeluarga boleh memohon Perumahan Pelajar Berkeluarga Universiti (PPBU) dengan mengisi borang yang boleh diperolehi di Pejabat Kolej Perdana atau melalui laman sesawang Unit Residen di pautan <https://dvcdev.utm.my/hospitality/unit-kediaman-pelajar/perumahan-pelajar-berkeluarga-universiti/>.

**2.0 Permohonan Kolej Kediaman**

- 2.1 Syarat Permohonan Kolej Kediaman:
  - 2.1.1 Pemohon merupakan pelajar UTM dan masih berstatus **aktif pada semester 1 sesi 2023/2024**.
  - 2.1.2 ID pengguna dan kata laluan ACID UTM diperlukan semasa daftar masuk untuk permohonan melalui sistem hostel.
  - 2.1.3 Permohonan melalui rakan adalah **tidak dibenarkan**.
- 2.2 Kaedah Permohonan Kolej Kediaman
  - 2.2.1 Membuat permohonan dalam talian iaitu melalui sistem hostel di pautan <http://hostel.utm.my>. Pelajar yang membuat permohonan dari luar kawasan kampus perlu membuat permohonan menggunakan VPN UTM.
  - 2.2.2 Keputusan permohonan kolej kediaman masing-masing boleh diketahui serta merta selepas pelajar melengkapkan proses permohonan dan sistem akan menyatakan jenis bilik dan kolej yang berjaya dipohon.

- 2.2.3 Jika pelajar telah memohon kolej kediaman melalui sistem hostel dan nama mereka ada di dalam sistem, permohonan itu dianggap **berjaya**.
- 2.2.4 Semua bilik yang dipaparkan dalam sistem hostel adalah tertakluk kepada ketersediaan bilik kolej kediaman. Sekiranya ia memaparkan Penuh (**Full**) bermakna **tiada lagi bilik dapat ditawarkan di kolej tersebut**.
- 2.2.5 Pelajar yang **tidak berjaya** memohon kolej kediaman perlu mengosongkan bilik dan menyerahkan kunci kepada pengurusan kolej kediaman.
- 2.2.6 Pelajar yang telah berjaya memohon bilik tetapi menolak tawaran bilik tersebut perlu menghantar emel pemakluman penolakan tawaran kepada kolej kediaman yang berjaya dipohon. (Sila rujuk Lampiran 2 untuk maklumat kolej kediaman). Tawaran kolej kediaman bagi nama pelajar akan dipadamkan dari sistem dan mengelakkan caj asrama dikenakan.
- 2.2.7 Pelajar yang menolak tawaran bilik tidak dibenarkan memohon penempatan semula bagi memberi peluang kepada pelajar lain.
- 2.2.8 Pelajar boleh memohon KLG Campus Residence atau lain-lain penginapan di luar kampus sebagai alternatif penginapan sekiranya **tiada lagi kekosongan di kolej kediaman**. Berikut adalah maklumat berkaitan KLG Campus Residence:

**KLG Campus Residence**  
 Jalan Rotan, Taman Sri Pulai,  
 81110 Johor Bahru.  
 Tel : 012-7913988  
<https://www.klgresidence.com/>

### 2.3 Tarikh Permohonan Kolej Kediaman

- 2.3.1 Tarikh permohonan kolej kediaman bagi pelajar prasiswazah kanan tempatan adalah seperti berikut:

Jenis Pelajar	Tarikh	Masa
Prasiswazah Kanan Tempatan	13 Julai 2023 – 17 Julai 2023	Bermula jam 10.00 pagi pada 13 Julai 2023

- 2.3.2 Sekiranya masih terdapat kekosongan setelah tempoh permohonan kolej kediaman bagi pelajar prasiswazah kanan tempatan ditutup, kekosongan di kolej kediaman akan dibuka kepada pelajar pascasiswazah kanan tempatan dan pelajar antarabangsa pada tarikh seperti berikut:

Jenis Pelajar	Tarikh	Masa
Pascasiswazah Kanan Tempatan dan Pelajar Antarabangsa	20 Julai 2023 – 24 Julai 2023	Bermula jam 10.00 pagi pada 20 Julai 2023

#### 2.4 Senarai Kolej Kediaman yang Ditawarkan

- 2.4.1 Senarai kolej kediaman yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 2.4.2 Pelajar dinaisahkan supaya mengambil berat tentang pemilihan kolej dan jenis bilik yang bakal dipohon. Sebarang **pindaan** selepas permohonan asrama **tidak dibenarkan**.

#### 2.5 Tarikh Pengambilan Kunci dan Pembukaan Stor

- 2.5.1 Tarikh pengambilan kunci bagi pelajar kanan adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa	Catatan
6 Oktober 2023 (Jumaat)	8.00 pagi – 12.00 tengahari 2.30 petang – 5.00 petang	Caj tambahan sehari akan dikenakan
7 Oktober 2023 (Sabtu)	8.00 pagi – 1.00 tengahari 2.00 petang – 5.00 petang	Caj satu (1) semester

- 2.5.2 Stor penyimpanan barang akan dibuka bermula **6 Oktober 2023**. Pelajar dinaisahkan untuk menghubungi pejabat kolej masing-masing untuk mengetahui jadual masa pembukaan stor. Maklumat kolej untuk dihubungi boleh dirujuk di **Lampiran 2**.

- 2.5.3 Pelajar hendaklah membawa kad matrik dan bukti kelulusan permohonan kolej kediaman semasa pengambilan kunci.

#### 3.0 Pertukaran Bilik dan Pertukaran Kolej Kediaman

- 3.1 Pelajar dibenarkan membuat pertukaran bilik atau pertukaran kolej kediaman **bermula 8 Oktober 2023 sehingga 19 Oktober 2023 sahaja**.
- 3.2 Sebarang pertukaran bilik atau pertukaran kolej kediaman selepas tempoh yang dibenarkan akan dikenakan yuran perkhidmatan seperti berikut:

Tarikh Pertukaran	Yuran Perkhidmatan	Caj Penginapan Kolej Kediaman
8 Oktober 2023 – 19 Oktober 2023	Tiada	Mengikut kadar jenis bilik
22 Oktober 2023 – 21 Februari 2024	Pertukaran Bilik = RM25.00 Pertukaran Kolej = RM50.00	Berdasarkan kepada caj sewaan tertinggi

#### 4.0 Latihan Industri / Latihan Mengajar

- 4.1 Pelajar yang menjalani latihan industri atau latihan mengajar pada Semester 1 Sesi 2023/2024 dibenarkan menginap di dalam kampus dengan membuat permohonan kolej kediaman secara atas talian seperti yang tertera pada Perkara 2.0. Walaubagaimanapun, ianya tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman.

#### C. HAL-HAL LAIN

- 4.2 Pihak Universiti berhak mengeluarkan barang-barang milik pelajar yang tinggal di kolej kediaman tanpa kebenaran. Selain caj sewa dan denda, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pelajar yang gagal untuk mengosongkan bilik mereka apabila diarahkan berbuat demikian oleh wakil Universiti.
- 4.3 Segala jenis kenderaan yang ditinggalkan hendaklah diletakkan di tempat letak kenderaan yang disediakan. Kenderaan tidak dibenarkan sama sekali disimpan di dalam blok dan bilik pelajar.
- 4.4 Pelajar yang mendiami asrama tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-kaedah UTM (Tatatertib Pelajar) 1999 dan segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,

**ARIFFIN BIN BASSERANY**

Ketua Unit Residen

Seksyen Pengurusan Perniagaan

Bahagian Pengurusan Aset

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

UTM Johor Bahru

- s.k
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Pengarah Keselamatan

**SENARAI KOLEJ YANG DITAWARKAN DAN KADAR SEWA KOLEJ KEDIAMAN SESI 2023/2024**

Kolej	Gender	Jenis Bilik	Kadar Sewa/Hari		
			Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa	Pelajar IDP UTMSPACE
Kolej Rahman Putra (KRP)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Fatimah (KTF)	Siswi	Seorang Eksekutif	RM30.00	RM30.00	RM 30.00
		Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Razak (KTR)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	Siswi	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	Siswa dan siswi	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
	Siswi	Berdua (Blok MA)	RM5.00	RM12.00	RM8.00
	Siswa dan siswi	Berdua	RM4.00		
	Siswi	Berdua dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
Kolej Tuanku Canselor (KTC)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Perdana (KP)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej 9 & 10 (K9&10)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00

**MAKLUMAT KOLEJ KEDIAMAN UNTUK DIHUBUNGI**

<b>Kolej</b>	<b>Emel</b>	<b>No. Telefon</b>
Kolej Rahman Putra (KRP)	krp@utm.my	07-5537242
Kolej Tun Fatimah (KTF)	ktf@utm.my	07-5537255
Kolej Tun Razak (KTR)	ktr@utm.my	07-5530542
Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	ktho@utm.my	07-5532151
Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	ktdi@utm.my	07-5531951
Kolej Tuanku Canselor (KTC)	ktc@utm.my	07-5535658
Kolej 9&10 (K9&10)	kolej910@utm.my	07-5535015
Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	kdse@utm.my	07-5537702
Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	kdoj@utm.my	07-5537708
Perumahan Pelajar Berkeluarga UTM (PPBU)	ufhkolejperdana @utm.my	07-5536614